

Warga emas mengaku rasul

Lelaki berusia 65 tahun itu ditahan JAIS dalam serbuan di Rawang

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID -

SHAH ALAM - Seorang lelaki warga emas berusia 65 tahun ditahan selepas disyaki mengaku dirinya sebagai rasul dalam satu serbuan di sebuah premis di Rawang pada Sabtu lalu.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata lelaki terbabit ditahan bersama tiga individu lain iaitu dua lelaki dan seorang wanita dalam operasi yang dijalankan di premis sama.

Menurut beliau, hasil siasatan awal mendapati individu itu mengaku kepada pengikutnya bahawa pernah bertemu Nabi Adam AS secara nyata pada waktu siang dan bertemu Nabi Muhammad SAW dalam bentuk

cahaya pada waktu malam.

"Dia juga mendakwa bertemu para rasul sebanyak dua hingga tiga kali dalam tempoh seminggu. Kejadian ini berlaku antara dua hingga tiga tahun lalu di sebuah taman negara di negara ini.

"Pengikutnya menyatakan bahawa individu tersebut ialah utusan ALLAH dan segala perlakuannya dianggap oleh pengikut sebagai suruhan ALLAH seperti tidak perlu solat atau berpuasa jika berasa letih dan uzur," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Mohd Shahzihan berkata, JAIS menjalankan siasatan dan tangkapan mengikut Seksyen 7 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 kerana disyaki berlaku suatu upacara atau perbuatan berhubung dengan agama Islam yang bertentangan dengan hukum syarak.

"Kes tersebut turut disiasat di bawah Seksyen 8 enakmen sama kerana disyaki mengisytiharkan dirinya sebagai rasul dan mendakwa dirinya mengetahui suatu perkara di luar pemahaman serta pengetahuan



MOHD SHAHZIHAN

manusia," ujarnya.

Menurut Mohd Shahzihan, dengan tangkapan itu pihaknya percaya telah menyelesaikan satu aduan yang tular pada 9 Februari lalu berkaitan dakwaan seorang individu mengaku sebagai rasul dan mempengaruhi ahli keluarganya.

"Sehubungan itu, satu pasukan khas dari Ibu Pejabat JAIS telah diarahkan serta-merta untuk menjalankan siasatan terperinci mengenai perkara tersebut sehingga membawa kepada tangkapan empat individu yang disyaki," tambah beliau.

10 BERITA SINAR HARIAN
PALING TRENDING
 SETAKAT JAM 5 PETANG AHAD

1 WANITA DIKERAT: ANGGOTA BADAN HILANG MUNGKIN DILARIKAN ANJING, BERCAMPUR SAMPAH

2 PEMUDA MAUT DALAM PERJALANAN PULANG BERBUKA PUASA

3 KANAK-KANAK MAUT DIDERA IBU TIRI, TUBUH PENUH KESAN LUKA

4 KHAIRUL AMING CIPTA REKOD RM2.3 JUTA JUALAN SEHARI DI TIKTOK SHOP

5 PENIAGA AIR BALANG TAK MENANG TANGAN SELEPAS BIDA TAPAK BAZAR RAMADAN RM23,000

ORAU SIAAT DAU PIASA IALAN